

U mizah

SULIT

1103/2(PP)

**1103/2
Bahasa Melayu
Kertas 2
Ogos – September 2025
Peraturan Pemarkahan**



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
NEGERI SEMBILAN**

**PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK TINGKATAN 5
SEKOLAH-SEKOLAH NEGERI SEMBILAN 2025**

BAHASA MELAYU

Kertas 2

PERATURAN PEMARKAHAN

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta MPSM Negeri Sembilan**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh diterbitkan dalam apa-apa bentuk media.

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 17 halaman bercetak dan 3 halaman tidak bercetak.

[Lihat halaman sebelah

1103/2(PP) © 2025 Hak Cipta MPSM Negeri Sembilan

SULIT

Soalan 1 – Morfologi

- (i) **teringat**
 - 1. ingat dengan tiba-tiba, terkenang, timbul dalam fikiran
- (ii) **kemalangan**
 - 1. kecelakaan, kesialan, kerugian, kesusahan
 - 2. tertimpa malang (celaka), mendapat kecelakaan
- (iii) **terbayar**
 - 1. mampu (berupaya) membayar
 - 2. dibayar
- (iv) **kehabisan**
 - 1. mengalami kesulitan kerana sesuatu (yang diperlukan) telah habis (dengan tidak disedari, di luar dugaan), tidak lagi mempunyai (wang dan lain-lain, kerana sudah dibelanjakan, digunakan, dan sebagainya semuanya), ketiadaan sesuatu (kerana telah habis); ~ modal tidak tahu apa yang hendak dikatakan lagi (dalam perbualan, perbincangan, dan lain-lain)
- (v) **diperlukan**
 - 1. perihal perlu
 - 2. sesuatu yang diperlukan, keharusan, kemestian
 - 3. sesuatu yang diperlukan (dikehendaki), sesuatu yang berguna, kepentingan
 - 4. hajat kehendak maksud tujuan
- (vi) **dibenarkan**
 - 1. kelulusan untuk membenarkan; izin

[Maksimum: 8 markah]

Soalan 2 – Sintaksis (Ayat bersusunan songsang kepada ayat bersusunan biasa)

- 1) Sambutan Hari Kebangsaan merupakan satu daripada cara yang sangat efektif untuk meningkatkan kesedaran rakyat tentang sejarah pembentukan Malaysia.
- 2) Murid didedahkan dengan pelbagai pengalaman menarik melalui aktiviti pendidikan seperti pertandingan bercorak kemerdekaan, ceramah sejarah dan lawatan sambil belajar.
- 3) Rakyat juga disuntik dengan semangat patriotik untuk terus membangunkan negara.

[Maksimum: 6 markah]

[Lihat halaman sebelah

SULIT

4

1103/2(PP)

Soalan 3 – Penyuntingan**BAHAN 1**

- | | | |
|------------------------------|---|------------------------------------|
| (i) ketidak tentuan | - | ketidaktentuan |
| (ii) tercetus | - | mencetuskan |
| (iii) di dalam | - | dalam |
| (iv) takrif | - | tarif |
| (v) rantaian bekalan-bekalan | - | rantaian bekalan / bekalan-bekalan |
| (iv) memperkukuhkan | - | memperkukuh |
| (iiv) dosmetik | - | domestik |

[Maksimum: 6 markah]**BAHAN 2**

- | | | |
|-------------------|---|---------------|
| (i) utama | - | asas |
| (ii) berkuatkuasa | - | berkuat kuasa |
| (iii) dividen | - | dividen |
| (iv) kerja | - | bekerja |
| (v) tanggung | - | tanggungan |

[Maksimum: 5 markah]

[Lihat halaman sebelah]

Panduan pemarkahan menukarkan Bahasa Melayu Klasik kepada Bahasa Melayu Standard bagi Soalan 4.

Deskripsi	Markah
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat gramatis	5-6
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>masih</i> gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	3
- Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat gramatis	
- Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	2
- Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat <i>tidak</i> gramatis	1
- Ayat disalin bulat-bulat	0
- Isi tidak mengikut urutan	0

Soalan 4 – Bahasa Melayu Standard

Sembah Temenggung, “Daulat Tuanku, patik sendiri akan masuk untuk berkawal.” Temenggung memohon izin untuk kembali ke rumahnya dan mengerahkan seramai lima ratus orang hambanya lengkap dengan senjata / lengkap bersenjata.

Apabila malam menjelma, Kertala Sari pun masuk ke dalam kota. Dia mendengar bunyi orang berkawal dan dentingan lembing serta perisai seperti hujan sedang menimpa atap. Kertala Sari pun membaca jampinya / kitabnya / jampi daripada kitabnya, lalu berjalan di tengah-tengah orang ramai itu dan terus masuk ke dalam rumah Bendahara.

[Maksimum: 6 markah]

Soalan 5 – Peribahasa

- (i) Menangguk di / dalam air keruh / Menahan lukah di pergentingan —
- (ii) Sudah jatuh ditimpa tangga / Sudah basah kehujanan
- (iii) Alah membeli, menang memakai

[Maksimum: 4 markah]

PANDUAN PEMARKAHAN SOALAN PEMAHAMAN SOALAN 4 MARKAH
- UNSUR KBAT

DESKRIPSI	MARKAH
Isi cukup (3 isi) / relavan dengan tugas / ayat gramatis	4
Isi cukup (3 isi) / relavan dengan tugas / ayat kurang gramatis	3
Isi tidak cukup (2 isi) / ayat gramatis	
Isi tidak cukup (2 isi) / ayat kurang gramatis	2
Isi tidak cukup (1 isi) / ayat gramatis	
Isi tidak cukup (1 isi) / ayat kurang gramatis	1
Jawapan salah	0

Soalan 6

(i) Maksud rumah warisan

- | | | |
|----|--|---|
| P1 | kediaman / tempat tinggal turun-temurun / peninggalan / pusaka | 2 |
| P2 | kediaman / tempat tinggal <i>warisan</i> | 1 |
| P3 | <i>rumah</i> turun-temurun / peninggalan / pusaka | 1 |

[Maksimum: 2 markah]
 [Isi cukup: 2 isi]

(ii) Fungsi bumbung rumah

Bahan 1

- P1 membolehkan pengaliran air hujan dengan cepat
 P2 membenarkan laluan angin untuk penyejukan rumah
 P3 menangkis sinaran langsung cahaya matahari daripada mengenai dinding
 P4 memberikan perlindungan kepada dinding dan bukaan daripada tempas hujan

Bahan 2

- P5 melindungi bangunan daripada dimasuki hujan, panas, angin dan habuk
 P6 menstabilkan suhu di dalam bangunan

(Jawapan calon mestilah berdasarkan semua bahan)

[Maksimum: 3 markah]
 [Isi cukup: 2 isi]

[Lihat halaman sebelah
 SULIT]

(iii) **Faktor-faktor yang menyebabkan rumah-rumah ini terbiar**

- P1 pewaris rumah sudah membeli rumah lain di bandar / tiada pewaris / jarak yang jauh
- P2 reka bentuknya dianggap kuno / ketinggalan zaman
- P3 dikaitkan dengan unsur-unsur mistik / menyeramkan
- P4 kos baik pulih / penyelenggaraan tinggi
- P5 perebutan harta dalam keluarga / pergaduhan / konflik
- P6 terikat dengan adat

(Faktor-faktor lain diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum: 3 markah]

[Isi cukup: 2 isi]

(iv) **Sebagai anak yang prihatin, cara saya merealisasikan hasrat ibu**

- P1 mengupah kontraktor / pereka hiasan dalaman yang terbaik
- P2 membuat carian tentang hiasan yang terkini
- P3 mendapatkan / mencari pembiayaan / sumber kewangan
- P4 mendapatkan lesen perniagaan
- P5 mendapatkan bimbingan dengan individu yang lebih berpengalaman
- P6 membantu mengemas / mengecat / menghias rumah tersebut

(Cara-cara lain diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum: 4 markah]

[Isi cukup: 3 isi]

[Lihat halaman sebelah
SULIT

Soalan 7

13 Markah

(i) Sikap yang ada pada Mat sebagai seorang peniaga

- P1 sikap yang terbuka dengan pelanggan
- P2 sikap rajin menolong

[Maksimum: 2 markah]
[Isi cukup: 2 isi]

(ii) Cara peniaga dapat mengekalkan pelanggan

Bahan 1

- P1 banyak bersabar
- P2 jangan bersikap kasar dengan mereka
- P3 sentiasalah menunjukkan kemesraan dan tersenyum

Bahan 2

- P4 menjadikan senyuman yang ikhlas sebagai budaya
(Senyuman ikhlas jadikan budaya)
- P5 memberi layanan yang baik
(Layanan baik penambat setia)
- P6 menjual barangan yang berkualiti
(Barang dijual biarlah berkualiti)

[Maksimum: 3 markah]
[Isi cukup: 2 isi]

[Lihat halaman sebelah
SULIT]

(iii) **Kebaikan-kebaikan pelaksanaan kempen Beli Barangan Buatan Malaysia**

- P1 membuka peluang pekerjaan kepada rakyat
- P2 meningkatkan semangat patriotik
- P3 meningkatkan kualiti produk tempatan
- P4 membantu usahawan / pengusaha / peniaga tempatan
- P5 meningkatkan / memajukan ekonomi / IKS
- P6 menjimatkan perbelanjaan keluarga
- P7 meningkatkan imej negara

(Kebaikan-kebaikan lain diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum: 4 markah]

[Isi cukup: 3 isi]

(iv) **Persediaan-persediaan yang perlu saya lakukan bagi memastikan program tersebut dapat dilaksanakan dengan jayanya**

- P1 menubuhkan / melantik jawatankuasa / ahli jawatankuasa
- P2 menjalankan kajian / soal selidik berkaitan minat murid
- P3 meminta nasihat / kelulusan daripada guru / guru penasihat / pentadbir
- P4 mempromosikan program melalui pelbagai medium
- P5 menjemput usahawan / pempengaruh yang berjaya
- P6 merancang pelbagai aktiviti yang menarik
- P7 merancang kewangan / mencari dana
- P8 menyediakan kertas cadangan / kertas kerja

(Persediaan-persediaan lain diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum: 4 markah]

[Isi cukup: 3 isi]

[Lihat halaman sebelah

SULIT

Soalan 8

(i) Perintah-perintah yang dilaungkan oleh Leftenan Adnan

- P1 teruskan bertahan
- P2 jimatkan peluru
- P3 pastikan satu peluru menumbangkan satu musuh
- P4 berjuang hingga ke titisan darah terakhir
- P5 biar putih tulang, asalkan jangan berputih mata

[Maksimum: 4 markah]
[Isi cukup: 3 isi]

Panduan pemarkahan bagi soalan 8 (ii)

(ii) Jawapan soalan novel

- (a) Jawapan berdasarkan **dua** buah novel yang dipelajari.
- (b) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
- (c) Beri **1 markah** bagi setiap isi yang betul. (**peristiwa yang menunjukkan amalan tanggungjawab**)
- (d) Beri **1 markah** bagi huraian yang lengkap / jelas. (**kesedaran kepada diri**)
- (e) Markah isi maksimum 4 markah (2 markah bagi setiap isi dan peristiwa / huraian / contoh).
- (f) Sekiranya **isi salah**, huraian tidak diterima.
- (g) Markah bahasa maksimum 2 markah, diberi secara kesan menyeluruh:
 - Baik : 2 markah
 - Lemah : 1 markah
- (h) Jika calon menjawab dan markah isi kosong, beri 1 markah untuk bahasa.
- (i) Calon tidak menjawab 0 markah.

[Maksimum: 6 markah]

[Lihat halaman sebelah
SULIT]

Novel Leftenan Adnan Wira Bangsa

1. Peristiwa penduduk kampung bertanggungjawab menyembunyikan waris keluarga Adnan yang dicari oleh tentera Jepun.
Kesedaran : menunjukkan amalan tanggungjawab dalam membantu masyarakat yang dalam kesusahan.
2. Peristiwa Pak Saidi bertanggungjawab menghantar Adnan ke sekolah Inggeris demi masa depannya walaupun ditentang oleh penduduk kampung
Kesedaran : menunjukkan amalan tanggungjawab dalam pendidikan anak-anak.
3. Peristiwa Leftenan Adnan bertanggungjawab menghantar Sophia dan anak-anaknya pulang ke kampung apabila mendengar ura-ura perang akan tercetus.
Kesedaran : menunjukkan amalan tanggungjawab dalam melindungi keselamatan keluarga.
4. Peristiwa Leftenan Adnan bertanggungjawab mengetuai pasukan askar Melayu menentang Jepun. Mereka enggan menyerah kalah walaupun mengalami kesukaran.
Kesedaran : menunjukkan amalan tanggungjawab dalam mempertahankan kedaulatan negara.

[Terima jawapan-jawapan lain yang relevan]

Novel Tirani

1. Peristiwa ahli keluarga Waheeda yang bertanggungjawab memberikan sokongan emosi setelah dia mengalami kemurungan kerana diceraikan oleh Zahid. Mereka menemaninya untuk mendapatkan rawatan di Hospital Pusrawi.
Kesedaran : tanggungjawab membantu ahli keluarga yang kesusahan.
2. Peristiwa Waheeda bertanggungjawab membesarkan Izzati setelah diceraikan oleh Zahid. Izzati menjadi seorang yang berjaya.
Kesedaran : tanggungjawab dalam mendidik anak-anak.
3. Peristiwa Bazilah memberikan tempat tinggal dan menemani Waheeda yang sedang mendapatkan rawatan di Singapura.
Kesedaran : sebagai rakan sentiasa bertanggungjawab membantu rakan yang dalam kesusahan.
4. Peristiwa Fadhil yang tidak membenarkan Waheeda untuk menjalani pembedahan plastik. Perbuatan tersebut bercanggah dengan ajaran Islam.
Kesedaran : tanggungjawab bapa dalam menegur anak-anak.

[Terima jawapan-jawapan lain yang relevan]

[Lihat halaman sebelah
SULIT

Pendahuluan [2markah]

- P1 membincangkan keburukan-keburukan/ kesan-kesan negatif penggunaan e-rokok / rokok elektronik/ *vape*, punca-punca/ sebab-sebab / faktor-faktor penggunaan e-rokok / rokok elektronik/ *vape* dan peranan-peranan/ tanggungjawab-tanggungjawab/ tugas-tugas ibu bapa menangani penggunaan e-rokok/ rokok elektronik/ *vape*. 2
- P2 membincangkan keburukan-keburukan/ kesan-kesan negatif penggunaan e-rokok / rokok elektronik / *vape* dan punca-punca/ sebab-sebab / faktor-faktor penggunaan e-rokok / rokok elektronik/ *vape* 1
- P3 membincangkan keburukan-keburukan / kesan-kesan negatif penggunaan e-rokok / rokok elektronik/ *vape* dan peranan-peranan / tanggungjawab-tanggungjawab / tugas-tugas ibu bapa menangani penggunaan e-rokok / rokok elektronik/ *vape*. 1
- P4membincangkan punca-punca/ sebab-sebab / faktor-faktor penggunaan e-rokok/ rokok elektronik/ *vape* dan peranan-peranan/ tanggungjawab-tanggungjawab/ tugas-tugas ibu bapa menangani penggunaan e-rokok/ rokok elektronik/ *vape*. 1

Isi [16 markah]**FOKUS 1: keburukan-keburukan/ kesan-kesan negatif penggunaan e-rokok/ rokok elektronik/ *vape*****BAHAN 1**

- A1 pengguna rokok elektronik cenderung untuk mengalami gangguan psikologi 2
- A2 akan mengubah sel imun semula jadi di dalam paru-paru 2
- A3 mampu mengakibatkan ketagihan dos nikotin yang lebih tinggi 2

BAHAN 2

- B1 menyebabkan kanser dan kerosakan teruk atau berkekalan pada paru-paru 2
- B2 menyebabkan pembaziran wang 2

FOKUS 2 : punca-punca/ sebab-sebab / faktor-faktor penggunaan e-rokok/ rokok elektronik/ *vape***BAHAN 1**

- C1 Anggapan bahawa e-rokok mampu menjadi alat menghentikan tabiat merokok 2
- C2 mencerminkan gaya hidup dan jiwa penggunanya 2
- C3 Peranti e-rokok yang bersaiz kecil, murah dan mudah dikongsi bersama dengan rakan 2

[Lihat halaman sebelah
SULIT

BAHAN 3

D1 anak yang dibesarkan dalam persekitaran perokok akan berpotensi menjadi perokok 2

FOKUS 3 : peranan-peranan / tanggungjawab-tanggungjawab / tugas-tugas ibu bapa menangani penggunaan e-rokok / rokok elektronik / vape

BAHAN 3

- | | | |
|----|---|---|
| E1 | memantau pergaulan anak-anak | 2 |
| E2 | mengetahui tanda-tanda yang menunjukkan anak menghisap rokok elektronik | 2 |
| E3 | perlu berbincang dan menasihati anak tentang bahaya rokok elektronik | 2 |

Kesimpulan [2 markah]

- | | | |
|----|---|---|
| K1 | Kesimpulannya, penggunaan e-rokok / rokok elektronik / vape haruslah ditangani agar kesihatan masyarakat terjaga. | 2 |
| K2 | Kesimpulannya, penggunaan e-rokok / rokok elektronik / vape haruslah ditangani. | 1 |
| K3 | Kesimpulannya, semua pihak haruslah menangani penggunaan e-rokok / rokok elektronik / vape agar kesihatan masyarakat terjaga. | 0 |

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT